

Penggunaan Kata ‘Hamba’ dalam Teks Hikayat Terpilih Abad Ke-17 dan Abad Ke-19

The Use of The Word ‘Hamba’ In Selected Hikayat Text Of The 17th And 19th Century

Darwalis Sazan
darwalissazan@usm.my

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Received: 19 April 2023; Published: 28 June 20223

Sazan, D. (2023). Penggunaan Kata ‘Hamba’ Dalam Teks Hikayat Terpilih Abad Ke-17 dan Abad Ke-19, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 75 - 88. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/175>

ABSTRAK

Setiap bangsa di dunia mempunyai bentuk dan perkembangan sastra dan bahasanya yang tersendiri. Setiap hikayat menampilkan keunikan kepengarangan pencipta dan menonjolkan akal budi bangsa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kandungan teks hikayat pada abad ke-17 dan abad ke-19 dari aspek penggunaan kata ‘*hamba*’. Untuk tujuan ini, kajian menggunakan enam teks hikayat untuk dianalisis. Kajian ini bertitik tolak daripada kajian lalu yang kurang pendedahan tentang jenis penggunaan kata, pembentukan afiks dan perubahan makna yang tertentu dalam teks abad yang lalu. Hal ini mewujudkan persoalan yang jelas tentang jenis pembentukan dan penggunaan kata selain kandungan teks pada abad tersebut. Keunikan kandungan teks juga mendorong untuk meneroka dengan lebih lanjut. Kajian ini mengaplikasikan metod kualitatif dan huraian secara deskriptif. Dalam kajian ini, sebanyak enam data teks akan dianalisis. Kajian ini dianalisis dari aspek morfologi dan semantik bagi meneliti bentuk penggunaan kata ‘*hamba*’ dalam teks hikayat abad yang dipilih. Penggunaan perisian *Malay Concordance Project* membenarkan data aspek morfologi, dari pelbagai bentuk afiks dijana. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perluasan makna kata ‘*hamba*’ dan perbezaan bentuk afiks berdasarkan yang dikaji dari sudut morfologi dan semantik dalam hikayat abad ke-17 dan abad ke-19. Selain itu, kajian menunjukkan penggunaan kata ‘*hamba*’ dalam teks hikayat yang dikaji majoritinya diketengahkan dalam bentuk afiks *diper-* manakala bentuk afiks *diper-...lah* pula adalah yang paling kurang digunakan.

Kata Kunci: Morfologi, Semantik, Hamba, Teks Hikayat, Abad Ke-17, Abad Ke-19

ABSTRACT

Every nation in the world has its own form and development of literature and language. Each story features the uniqueness of the creator's authorship and highlights the common sense of the Malay nation. This study aims to explore the content of Hikayat texts in the 17th and 19th centuries from the aspect of the use of the word 'hamba'. For this purpose, the study uses six texts to be analyzed. This study is a starting point from the past studies that lack exposure about the type of word usage, affix formation and specific changes in meaning towards the text of the last century. This creates a clear question about the type of formation and use of words in addition to the content of the text in that century. The uniqueness of the text content also encourages further exploration. This study applies a qualitative method and descriptive explanation. In this study, a total of six text data will be analyzed. This study is analyzed from the semantic and

morphological aspects to examine the use of the word 'hamba' in the selected century text. The use of the Malay Concordance Project software allows data on morphological aspects, from various forms of affixes to be generated. The results found that there is an expansion of the meaning 'hamba' and difference in the form of affixes which is studied from a semantic and morphological point of view in the Hikayat of the 17th and 19th centuries. In addition, the study shows that the use of the word 'hamba' in the text is mostly highlighted in the form of the affix diper-, while the affix form diper-...lah is the least used.

Keywords: Morphology, Semantic, Hamba, Hikayat Texts, 17th Century, 19th Century

PENGENALAN

Kewujudan kesusasteraan Melayu sudah lama berkembang semenjak awal abad masihi lagi, dan perkembangan ini adalah mengikut peredaran zaman. Perkataan 'Sastera' merupakan pinjaman bahasa Sanskrit yang berasal daripada 'castra' bermaksud kitab suci. Harun Mat Piah (2006) mendefinisikan kesusasteraan sebagai satu seni kreatif yang menggunakan bentuk-bentuk bahasa sebagai pengantara hasil kesusasteraan dan manusia. Penghasilan kesusasteraan ini menyumbang kepada hasil karya kesusasteraan seperti hikayat, puisi, terompa, syair, gurindam, seloka dan lain-lain untuk diwarisi oleh generasi turun-temurun. Rohaya (2017) pula menjelaskan bahawa kesusasteraan dilihat sebagai suatu khazanah yang amat bernilai dalam masyarakat. Kesusasteraan juga melambangkan identiti bangsa dalam sesebuah komuniti dan dipercayai karya ini sememangnya menggambarkan situasi sebenar masyarakat yang wujud pada zaman tersebut (Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay, 2020). Abdul Halim Ali (2011) walau bagaimanapun melihat kesusasteraan Melayu dalam karya-karya sastera yang perlu berteraskan kepada sumber, dasar dan mengkonsepsi keindahan.

Andries Teeuw & Oo Jiu Bell & Goh Sang Seong (1995; 2020) memperlihatkan kesusasteraan sebagai pembentuk moral seseorang dalam makna yang disampaikan dalam sesebuah teks. Ismail Hussein (1998) mengakui bahawa kesusasteraan dilihat dari sudut penggunaan bahasa yang bersifat kreatif untuk melahirkan karya-karya sastera yang hebat. Bahkan sarjana yang dikenali Mana Sikana (2003; 2009) melihat kesusasteraan sebagai kejelasan unsur estetika dalam menampilkan daya kreatif, olahan bahasa, simbolik, dan lain-lain oleh pengarang dalam penulisan kesusasteraan. Dalam menghubungkan definisi dan konteks kesusasteraan, ia juga dilihat sebagai satu cerminan intelektual yang boleh dirujuk, dibaca malah dikaji zaman-berzaman selain memberi kepuasan estetik kepada pengarang itu sendiri.

Dalam konteks kesusasteraan ini, nilai estetika yang bercirikan bangsa, agama, sastera dan bahasa Melayu perlu dihargai oleh semua masyarakat. Jika diteliti, karya kesusasteraan ini sebenarnya mengupas nilai hidup sebagai panduan kepada masyarakat khususnya dalam bentuk ideologi, kritikan mahupun pengetahuan (Md Zahril Nizam et al. 2020). Pada masa yang sama, Hassan (2004) juga ada menyatakan bahawa nilai-nilai ini merangkumi nilai keagamaan, sosial, politik dan lain-lain berlandaskan kesusasteraan yang dapat menyumbang kefahaman berterusan kepada generasi alaf baharu. Selain itu, peralihan zaman kepada penggunaan bahasa Melayu Kuno dan kemudian bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu Moden juga menonjolkan keunikan kesusasteraan Melayu yang masih mengekalkan nilai-nilai yang sama malah kandungan teks juga menunjukkan keintelektualan yang tinggi selain kritikan membina kepada masyarakat (Azhar Wahid & Abdul Ghani Abu, 2015).

Dalam hal ini, pengkajian berkaitan ciri dan struktur teks dalam sesuatu hikayat begitu meluas untuk dikaji, misalnya Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin & Annapurani Ponnambalam Dass (2017) yang mengkaji bentuk morfofonemik teks hikayat abad ke-16 hingga abad ke-17,

Faridah Nazir (2022) meneliti perbandingan ciri-ciri morfologi dalam Hikayat Klasik dan Moden, Anis Shahirah Sabarudin & Kartini Abd. Wahab (2023) yang mengkaji aspek kata ganti nama diri dalam Hikayat Melayu lama. Walaupun kajian ini dilihat dari aspek yang pelbagai dan berbeza, namun aspek-aspek lain masih lompong dan perlu diberi perhatian.

Penulisan ini ingin meneroka kandungan teks hikayat pada abad ke-17 dan abad ke-19 berdasarkan penggunaan kata 'hamba' dari aspek semiotik dan morfologi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) kata '*hamba*' ialah abdi, budak belian dan sahaya. Selain itu, perkataan '*hamba*' juga dikategorikan sebagai kata nama yang digunakan sebagai ganti nama diri yang lain, seperti pacal, patik, beta, saya, aku, ana, dan tuanku. Selain itu, perkataan ini juga mempunyai makna yang sinonim dengan perkataan lain seperti orang suruhan, khadam, orang gaji, orang bawahan, kuli, babu, dan pengikut. Dalam konteks ini, maksud perkataan '*hamba*' boleh merujuk kepada beberapa ganti nama diri kerana perkataan 'hamba' mengalami perluasan makna yang boleh merujuk kepada diri seseorang. Anis Shahirah Sabarudin & Kartini Abd. Wahab (2023) menjelaskan bahawa penggunaan kata ganti nama diri boleh digunakan secara meluas, seperti penggunaan dalam konteks sosiologi, sosiolinguistik dan konteks nahu. Lanjutan itu, dari sudut etimologi kata '*hamba*' dikatakan berasal dari bahasa Mesir Purba, iaitu Hem (*Hm*) yang bermaksud 'tubuh' (Collins, 2003). Berdasarkan sumber sejarah, perkataan 'hamba' yang dihubungkan dengan sistem hamba abdi ini telah wujud sejak berkurun lamanya. Misalnya, sistem perhambaan yang wujud pada zaman dahulu, yakni glongan hamba abdi ditempatkan di kawasan pembinaan piramid Mesir. Mengikut konteks alam Melayu, terdapat dua istilah hamba yang wujud. Pertama merujuk hamba sebagai individu yang mengabdikan diri kepada orang lain seumur hidup, kedua hamba yang merdeka selepas hutang berjaya dilangsaikan atau telah ditebus oleh orang lain. Oleh hal yang demikian, ternyata wujudnya kata '*hamba*' yang digunakan dalam alam Melayu untuk merujuk perbezaan status sosial individu dalam masyarakat terdahulu. Tidak hairanlah bahawa kata '*hamba*' ini terdapat dalam hikayat-hikayat yang dirujuk pakai sebagai kata ganti nama diri dan simbol status sosial dalam masyarakat.

Melalui kajian yang dilakukan dalam hikayat-hikayat terpilih pada abad ke-17 dan abad ke-19, kata '*hamba*' banyak terdapat dalam teks kesusasteraan Melayu untuk digunakan dalam konteks dan teks ayat dalam teks tersebut. Oleh itu, dengan melakukan kajian terhadap hikayat-hikayat terpilih antara abad ke-17 dan ke-19 ia dapat memperlihatkan penggunaan kata '*hamba*' dari sudut morfologi dan semantik secara terperinci dan sistematik.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan penelitian kajian berkaitan dengan konteks ini, kajian tempatan seperti ini yang menggabungkan aspek morfologi dan semantik berdasarkan penggunaan kata tertentu dalam teks hikayat amatlah kurang. Adapun kajian lalu, penelitian hanya tertumpu sama ada aspek semantik ataupun aspek morfologi namun kajian dalam penggunaan sesuatu kata khususnya teks hikayat juga adalah kurang. Namun begitu, kajian tempatan yang mengkaji data teks hikayat kebanyakan tertumpu kepada aspek morfologi berdasarkan imbuhan. Manakala, tumpuan bagi aspek semantik banyak dikaji berdasarkan bentuk terjemahan, pemaknaan konteks, pemaknaan kata dalam teks unsur klasik dan lain-lain. Dalam hal ini, sesebuah hikayat mempunyai keunikan kandungan teks yang tersendiri apatah lagi teks yang dihasilkan mencerminkan ketamadunan dan kegemilangan sesuatu bangsa dan zaman. Keintelektualan dalam kepengarangan juga diperlihatkan dalam sesebuah teks khususnya penggunaan dan pemilihan bahasa. Oleh itu, kajian ini akan meneroka

lebih lanjut kandungan teks hikayat pada abad ke-17 dan abad ke-19 dari aspek penggunaan kata ‘hamba’ berdasarkan pendekatan dan penyesuaian Hopper & Thompson (1980). Bertitik tolak dari kelompangan kajian yang dijelaskan, maka kajian ini perlu dilaksanakan bagi memperlihatkan penggunaan kata ‘hamba’ dari aspek morfologi dan semantik pada abad ke-17 dan abad ke-19.


METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dan melibatkan data deskriptif. Keseluruhan data kajian, iaitu enam teks hikayat abad ke-17 dan abad ke-19 diperoleh daripada perisian ‘*Malay Concordance Project*’ oleh Proudfoot (2000). Penggunaan perisian ‘*Malay Concordance Project*’ ini juga digunakan untuk memperoleh data yang menunjukkan bentuk morfologi dan semantik dalam kajian ini. Pemanfaatan perisian ini mempunyai data dan maklumat lengkap dari aspek yang dikaji dan membekalkan sumber asal pengambilan teks. Untuk tujuan ini, hanya teks hikayat abad ke-17 dalam lingkungan (1600-1699) dan hikayat abad ke-19 dalam lingkungan (1800-1899) dipilih dan dianalisis.

Di samping itu, kajian ini menganalisis tiga teks hikayat abad ke-17, iaitu Hikayat Aceh, Hikayat Seri Rama dan Hikayat Tanah Hitu. Manakala teks abad ke-19 pula, ialah Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Sang Boma dan Hikayat Patani. Dalam hal ini, keenam-enam hikayat yang dipilih juga dilihat berdasarkan jumlah perkataan yang terdekat dan setara bagi semua hikayat. Jumlah yang setara adalah relevan, yakni berdasarkan penggunaan kata ‘*hamba*’ yang memudahkan proses pemilihan data dan jenis teks untuk penganalisan. Bagi penganalisan data dari aspek morfologi dan semantik, prosedur ini pernah dikemukakan oleh Hopper & Thompson (1980) dan model afiks berdasarkan sepuluh jenis afiks dalam bahasa Melayu. Pengkaji hanya menyesuaikan beberapa unsur yang dikaji dengan teori dan model yang diketengahkan. Khususnya, dari aspek bentuk afiks dan darjah afiks berdasarkan pemaknaan dalam ayat. Penyesuaian ini adalah sebagai panduan untuk melihat aspek morfologi dan semantik dalam data yang dianalisis. Dengan berpandukan penyesuaian teori dan model ini, data akan menganalisis aspek morfologi dan semantik dari segi struktur morfologi dan makna berdasarkan bentuk afiks pada bahagian penganalisan data. Rajah 1.0 menunjukkan model bentuk afiks dengan lanjut.

Rajah 1.0 Model bentuk afiks dalam bahasa Melayu

Sumber: Azan (2017)



Teks Kajian

Teks kajian yang dianalisis terdiri daripada *Hikayat Aceh*, *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Tanah Hitu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Sang Boma*. Kesemua hikayat yang diketengahkan ini menunjukkan nilai estetika dan akal budi si pengarang pada abad ke-17 dan ke-19. Ab. Razak (2006) menjelaskan bahawa teks dalam hikayat abad ke-17 dan ke-19 lazimnya melibatkan hasil kesusasteraan yang bertemakan raja-raja, pembesar, individu tertentu, perdagangan dan lain-lain. Noriah Taslim (2015) menerangkan bahawa pada abad ini hikayat di alam Melayu yang sedia ada banyak mengalami abad peralihan disebabkan penjajahan orang Eropah pada abad ke-17 hingga ke-18. Antara karya sastera lain yang tercipta kepengarangannya, seperti karya teks *Hikayat Nakhoda Muda*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Hasanuddin*, *Hikayat Panji Kuda Semirang* dan lain-lain (Malay Concordance, 2000).

Dalam kajian ini yang melibatkan hikayat dikaji, penjelasan Liaw (1982) mengatakan teks hikayat seperti *Hikayat Aceh* mengetengahkan asal usul raja-raja, kisah raja-raja Pasai dan lain-lain yang berkiatan dengan nilai sosial yang mengangkat martabat Melayu dan keturunan raja Melayu pada abad tersebut. Melihat kepada bentuk kepengarangan teks Hikayat abad tersebut, terdapat juga kekurangan lain dalam hikayat dari aspek ciri fizikal sesebuah teks, seperti ketiadaan muka surat, bahagian-bahagian yang hilang dan lain-lain. Namun begitu, walaupun terdapat kekurangan seperti yang dinyatakan namun kebanyakan kajian para sarjana lebih tertumpu dalam kajian abad ini.

Hal ini dikatakan bahawa kandungan teks dan bentuk perubahan bahasa dalam tempoh atau lingkungan abad ini lebih menarik berbanding dengan teks hikayat sebelumnya (Monique Zaini-Lajoubert, 2010). Dalam konteks ini, pengkajian teks hikayat yang tertumpu pada abad ke-17 dan abad ke-19 dikatakan bertitik tolak daripada karya sastera yang lebih terkenal, seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Iblis dan lain-lain yang berkaitan. Oleh hal yang demikian, teks hikayat yang dikaji mempunyai signifikansi dan keunikan yang tersendiri. Jadual 1 menunjukkan jumlah perkataan bagi setiap hikayat yang diperoleh.

Jadual 1: Jumlah perkataan bagi setiap hikayat

Hikayat Abad ke-17 (1600-1699)	Jumlah perkataan		Hikayat Abad ke-19 (1800-1899)
<i>Hikayat Aceh</i>	37933	39163	<i>Hikayat Merong Mahawangsa</i>
<i>Hikayat Seri Rama</i>	96123	92113	<i>Hikayat Sang Boma</i>
<i>Hikayat Tanah Hitu</i>	21565	21335	<i>Hikayat Patani</i>

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, ternyata keenam-enam hikayat yang dikaji mempunyai bentuk atau pola morfologi dan semantik yang tersendiri. Pelbagai makna dan bentuk afis mempunyai hubungan yang jelas dengan penghasilan kandungan teks ini dalam penggunaan kata 'hamba'. Pada bahagian ini, huraian lanjut diketengahkan. Segala aspek semantik dan morfologi telah terjawab. Bagi memudahkan perbincangan ini, diketengahkan penggunaan kata 'hamba' dari aspek morfologi dan semantik dalam kedua-dua abad.

Penggunaan Kata Hamba Dari Aspek Morfologi Teks Hikayat Abad Ke-17 dan Abad Ke-19

Berdasarkan penganalisisan data dari aspek morfologi teks hikayat abad ke-17 dan abad ke-19 ini, didapati terdapat sepuluh jenis bentuk afiks dan 6 jenis bentuk afiks yang dikelompokkan berdasarkan kelas kata kerja. Keseluruhan jumlah 2233 kata 'hamba' yang terdapat dalam bentuk terbitan secara keseluruhan berdasarkan bentuk afiks. Bagi menjelaskan hal ini, bentuk afiks yang terdapat dalam kedua-dua hikayat yang dikaji, ialah afiks, *ber-*, *ber...kan*, *diper...*, *diper...lah*, *...kah* (Enklitik), *...lah* (Enklitik), *...mu* (Enklitik), *..mulah* (Enklitik), *...nya* (Enklitik), *...per-*. Penggunaan kata 'hamba' berdasarkan bentuk afiks *diper-* menunjukkan jumlah yang paling tinggi berbanding penggunaan afiks lain yang bersamaan dengan 140 kali bilangan yang digunakan dalam keenam-enam hikayat. Manakala, bentuk afiks *diper...lah* pula menunjukkan bilangan yang paling rendah digunakan dalam hikayat abad ke-19 sahaja yang bersamaan dengan 1 bilangan.

Bagi penggunaan bentuk afiks *...mu* (Enklitik) dilihat sebagai bentuk kedua tertinggi dan diikuti dengan bentuk afiks *...lah* (Enklitik). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bentuk afiks ini diguna pakai secara kerap dalam abad ke-17 dan ke-19. Pada masa sama, penggunaan ini seiring dengan zaman Melayu Tradisional yang penggunaan bahasa Melayu Klasik. Bentuk enklitik juga banyak dipadankan dengan kata 'hamba' untuk membentuk pertanyaan, penegasan, dan kata ganti nama diri. Penggunaan bentuk afiks lain dalam hikayat yang dikaji ini juga meluas digunakan seperti, *ber...*, *ber...kan*, dan *...per-*. Perkembangan penggunaan kata ganti nama diri 'hamba' lebih menyerlah dalam bentuk afiks teks hikayat abad-17 dan abad ke-17 disebabkan penggunaan kata ganti nama diri ini digunakan hampir sepenuhnya berbanding dengan penggunaan kata ganti nama diri seperti, abad ini sebagai 'aku' dan 'saya'. Jadual 2 di bawah menunjukkan bentuk afiks dalam hikayat yang dikaji.

Jadual 2: Jenis bentuk afiks dalam hikayat abad ke-17 dan abad ke-19

Bentuk Afiks	Bentuk Terbitan	Jumlah
<i>ber...</i>	<i>Berhamba</i>	13
<i>ber...kan</i>	<i>Berhambakan</i>	6
<i>diper..</i>	<i>Diperhamba</i>	140
<i>diper...lah</i>	<i>Diperhambalah</i>	1
<i>...kah</i> (Enklitik)	<i>Hambakah</i>	3
<i>...lah</i> (Enklitik)	<i>Hambalah</i>	41
<i>...mu</i> (Enklitik)	<i>Hambamu</i>	66
<i>..mulah</i> (Enklitik)	<i>Hambamulah</i>	4
<i>...nya</i> (Enklitik)	<i>Hambanya</i>	33
<i>...per</i>	<i>Perhamba</i>	3
-	<i>Hamba</i>	1923
	Jumlah	2233

Melihat kepada perbincangan di atas, jenis penggunaan kata kerja dari segi bentuk afiks berdasarkan kata 'hamba' diperlihatkan. Dalam hal ini, pengelasan kata kerja juga diketengahkan. Sebanyak enam kelas kata kerja dikelompokkan dalam bentuk kelas yang sama. Hal ini memudahkan pembaca untuk melihat kelompok kata kerja berdasarkan bentuk afiks dan jenis-jenis kata kerja berdasarkan contoh ayat yang terdapat dalam teks hikayat ini. Melalui analisis

berdasarkan teks abad ke-17 dan ke-19, sebanyak 16 pasangan kata kerja kelas I dijumpai, 141 kata kerja kelas II, 19 pasang kata kerja kelas III, 91 pasang kata kerja kelas IV, 44 pasang kata kerja kelas V, dan akhir sekali, 70 pasang kata kerja kelas ke VI.

Berdasarkan pengelasan kata kerja ini juga, dapatan ini menunjukkan bahawa keenam-enam teks pada abad ke-17 dan ke-19 mengalami proses transisi dari bahasa Melayu Klasik ke bahasa Melayu Moden. Jadual 3 di bawah menunjukkan contoh data teks dalam hikayat abad ke-17 dan ke-19 berdasarkan enam pengelompokkan kelas kata kerja berdasarkan penggunaan kata 'hamba'.

Jadual 3 : Jenis kelas kata kerja berdasarkan afiks dalam hikayat abad ke-17 dan abad ke-19

Kelas	Contoh Jenis Kata Kerja dan Ayat
I <i>ber-</i> dan <i>per-</i>	Aceh 202:12 yang mengalahkan Deli dan menangkap Merah Miru dan <i>berhamba</i> raja Johor [dan] segala raja-raja Melayu dan [menga]lahkan .. Hitu 6,IV ... ada pun yang di bawah memagang penyapu itu, tuhan <i>perhamba</i> akan kami. MW 17:35 .. pun datanglah membawa makanan akan tuan puteri tiga <i>berhamba</i> itu.... Boma 123:36karena adinda tuan dan jangan tiada adinda ini <i>perhamba</i> pada kakanda, dan jangan sak hati adinda pada kakanda ini...
II <i>diper-</i> dan <i>diper-....-lah</i>	Rama 561:7 berapa-berapalah lamanya (yang dipertuan dan) yang <i>diperhamba</i> tiada menggerakkan yang dipertuan berdua... Aceh 76:13takhta kerajaan, jikalau tuanku raja pun serasa <i>diperhambalah</i> raja... Pat 17:3 Bercau raja besar kedengaran pada segala negeri yang lain pun menjadi aiblah dan tuan hamba pun sia-sialah <i>diperhamba</i> oleh Duli Bercau?" Boma 25:24 "Mana bicara tuanku akan patik yang <i>diperhambalah</i> ini sekalian hamba turut, karena patik sekalian ini hamba ..
III <i>ber-</i> dan <i>ber-...-kan</i>	Aceh 249:17 .. ini sudahlah paling dari Acéh. Maukah raja Johor <i>berhamba</i> kami sekalian?.. Rama 787:11mengadap Sri Rama syahdan dengan ta`zimnya dan <i>berhambakan</i> dirinya kepada Sri Rama... MW 17:39 ..lagi ia menghantarkan makanan akan tuan puteri tiga <i>berhamba</i> itu, tetapi tiada diketahui oleh burung geroda itu bahawa Boma 29:25..baik, jikalau ayahanda sudah mati, tahu-tahu tuan <i>berhambakan</i> diri pada Maharaja Boma, itu raja alam, lagi sakti dengan..
IV Enklitik <i>-mu</i> dan Enklitik <i>-nya</i>	Rama 260:9 ...jangan segera kiranya <i>hambamu</i> kau matikan sehingga <i>hambamu</i> bertemu dengan Sri Rama... Aceh 180:7.....hendak menunjukkan kebesarannya kepada seorang <i>hambanya</i> mu`min, maka dinyatakannya pada mimpinya. MW 19:9..sesungguhnya tiadalah <i>hambamu</i> ubahkan seperti janji <i>hambamu</i> daripada zaman ini... Patani 13:4...parit itulah. Dengan takdir Allah Taala di atas <i>hambanya</i> , maka mayat Syekh Gambak itu pun terdiri hingga pinggangnya..
V Enklitik <i>-kah</i> dan Enklitik <i>-lah</i>	Rama 602:13 oleh tuan hamba [dan] hendak memberikan anak tuan <i>hambakah</i> yang baik parasnya itukah akan hamba... Aceh 76:13....takhta kerajaan, jikalau tuanku raja pun serasa <i>diperhambalah</i> raja." Maka sabda sultan `Ala ad-Din menyahuti kata


	MW 80:34dengan hamba?" Maka kata Shekh Abdullah, "Tuan <i>hambakah</i> penghulu syaitan iblis itu?"... Boma 218:21...masuk berperang dahulu; akan Maharaja Boma itu, <i>hambalah</i> akan membunuh dia di hadapan tuan-tuan ini...
VI	
Enklitik <i>-mu</i> dan Enklitik <i>-mulah</i>	Aceh 213:14.. wata`ala: "Ya Tuhanku, kaupeliharakan kiranya cucu <i>hambamu</i> Johan `Alam ini seperti yang telah kaupeliharakan ia daripada . Rama 268:13.. itu, karena itulah maka hamba menangis, air mata <i>hambamulah</i> yang titik pada dada tuan hamba itu." Maka kata Sri Rama.. MW 21:13... geroda, "Jikalau demikian titah Nabi Allah di atas <i>hambamu</i> , baiklah, ya Nabi Allah." Lalu ia tunduk kepalanya ke bawah... Boma 55:12...dapat melawan akan Maharaja Boma itu, karena tuan <i>hambamulah</i> yang tahu akan segala senjata dan pada zaman ini..

Perkataan Hamba Dari Aspek Semantik Teks Hikayat Abad Ke-17 Dan Abad Ke-19

Pada bahagian ini, penggunaan kata ‘*hamba*’ digunakan secara meluas dalam teks hikayat yang dikaji. Penggunaan kata ini membentuk makna yang tertentu apabila digabungkan dengan bentuk kelas kata kerja berdasarkan pembentukan afiksnya. Dalam hal ini, peratusan bilangan perkataan dalam bentuk afiks yang bergabung dengan ‘*hamba*’, teks abad ke-17 iaitu Hikayat Seri Rama mencatatkan jumlah tertinggi dalam teks kedua-dua abad. Hal ini jelas membuktikan bahawa penggunaan kata ‘*hamba*’ pada abad ke-17 meluas digunakan dalam teks Melayu Klasik jika dibandingkan pada masa kini penggunaan kata dasar ‘*hamba*’ banyak digantikan dengan kata ganti nama diri pertama seperti ‘*saya*’ dan ‘*aku*’ pada teks Melayu Moden.

Catatan peratusan kedua tertinggi bagi bilangan perkataan dalam bentuk afiks yang bergabung dengan ‘*hamba*’ juga dapat dilihat dalam teks abad ke-19, seperti Hikayat Sang Boma. Kata dasar ‘*hamba*’ masih digunakan setelah melepasi dua abad dari abad ke-17 sehingga ke-19 kerana abad tersebut lebih mengguna pakai kata ini dalam merujuk status sosial. Bagi hikayat lain yang menyumbang peratusan yang rendah dalam penggunaan ‘*hamba*’ pada teks abad ke-17 dan ke-19 pula menerangkan konteks dan makna yang berbeza dalam teks. Oleh itu, ia amat penting untuk melihat jumlah dan peratusan penggunaan kata ‘*hamba*’ ini yang terkandung dalam setiap hikayat. Bagi menjelaskan dengan lebih rinci, rajah 2.0 menunjukkan peratusan bilangan hamba dalam kedua-dua abad.

Rajah 2.0: Peratusan bilangan ‘*Hamba*’ dalam teks abad ke-17 dan ke-19



Selanjutnya, aspek semantik dalam hikayat yang dikaji bagi abad ke-17 dan ke-19 menunjukkan bahawa penggunaan afiks berdasarkan *ber-* dan *per-* mendukung makna yang sama dalam teks bagi abad ke-17 dan ke-19. Hal ini ada dijelaskan oleh Syed Zainal Ariff (2001) bahawa penggunaan afiks *ber-* dan *per-* membawa makna yang sama disebabkan oleh awalan afiks *per-* (*perhamba*) dijadikan sebagai penanda makna bagi orang yang melakukan kerja yang sama dengan awalan *ber-* (*berhamba*). Bagi afiks *diper-* (*diperhamba*) dan *diper-....-lah* (*diperhambalah*) juga membawa maksud yang sama dalam kedua-dua teks abad yang sama. Hal ini kerana, afiks *diper-* dan *diper-....-lah* dalam konteks '*hamba*' membawa maksud perbuatan atau perlakuan yang dijadikan seseorang itu sebagai hamba sama ada dengan kerelaan atau sebaliknya (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2003; 115). Dapat dijelaskan bahawa kelas kata kerja I dan II pada kedua-dua abad membawa maksud yang sama walaupun berlainan afiks yang menggolongkan bentuk morfologinya dan semantik dalam struktur ayat.

Sehubungan dengan itu, kelas kata kerja III, iaitu *ber-* (*berhamba*) dan *ber-...-kan* (*berhambakan*) membawa makna yang berbeza. Hal ini berlaku kerana, penggunaan afiks *ber-...-kan* membawa maksud yang berbeza dari segi morfologi dan semantiknya dalam teks berkenaan maka afiks *ber-* dan *ber-...-kan* menerangkan fungsi kata kerja dan kata adjektifnya. Makna *berhamba* dapat dijelaskan sebagai menjadi hamba atau menyerahkan diri kepada seseorang untuk menggunakan keupayaan yang ada. Manakala *berhambakan* dijelaskan untuk merujuk seseorang yang telah dijadikan hamba.

Bagi kelas kata kerja IV yang terdiri daripada enklitik *-mu* (*hambamu*) dan enklitik *-nya* (*hambanya*) pula membawa maksud yang sama dalam kedua-dua abad. Bentuk enklitik merupakan bentuk kata yang terikat dengan kata yang mengikutinya dan merupakan unsur tatabahasa yang tidak berdiri sendiri dan sentiasa bergabung dengan perkataan sebelumnya. Kedua-dua afiks ini tergolong dalam kata ganti nama diri ketiga dan kedua-dua ayat jelas mempunyai perbezaan dari segi golongan kata soal dan kata penegas. Penggunaan *hambamu* merujuk kepada kepunyaan hamba seseorang dan *hambanya* merujuk kepada hamba milik individu ketiga yang diperkatakan.

Dalam pada itu, kelas kata kerja V bagi enklitik *-kah* (*hambakah*) dan enklitik *-lah* (*hambalah*) membawa makna yang berbeza dalam kedua-dua abad kerana enklitik *-kah* membentuk perkataan dalam teks sebagai ayat tanya manakala enklitik *-lah* membentuk ayat menjadi unsur penegas dalam konteks penggunaan ayat suruhan berdasarkan perbezaan golongan kata dalam struktur ayat. Penggunaan *hambakah* bermaksud pertanyaan kepada seseorang yang bukan hanya merujuk kepada '*hamba*' kepunyaan. Penggunaan '*hambalah*' pula membawa makna penegasan kepada seseorang dan diri sendiri untuk menerangkan sesuatu perkara selain rujukan '*hamba*'.

Akhir sekali, kelas kata kerja VI enklitik *-mu* (*hambamu*) dan enklitik *-mulah* (*hambamulah*) membawa makna yang sama dalam teks abad ke-17 dan ke-19 bagi menerangkan kata ganti nama diri secara khususnya. Penggunaan *hambamu* memberi makna seseorang yang memiliki kepunyaan hamba dan menjadi hamba kepada seseorang. Bagi *hambamulah*, membawa makna penegasan yang merujuk kepada kepunyaan hamba seseorang. Oleh itu, dapatlah dijelaskan bahawa pengkategorian kelas kata kerja dapat dihuraikan juga dengan aspek semantik bagi memudahkan kajian dalam transisi penggunaan kata '*hamba*' teks bahasa Melayu Klasik dan bahasa Melayu Moden.

Jadual 4: Contoh Ayat Menggunakan Kata 'hamba' Aspek Semantik Abad ke-17 Dan Ke-19

Kelas	Jenis Kata Kerja	Contoh Ayat Menggunakan Kata 'hamba' Aspek Semantik Abad ke-17 Dan Ke-19
I	<i>ber-</i> dan <i>per-</i> dengan makna yang sama dalam teks abad ke-17 dan ke-19.	<p>Aceh 249:17 Maukah raja Johor <i>berhamba</i> kami sekalian?...</p> <p>MW 15:27 "Hai cucuku, tiada apa yang nenek hendak berbuat di atas cucuku yang tiga <i>berhamba</i> ini...</p> <p>Hitu 6,IV demikian katanya: 'Dagang piyatu minta maaf. Ada pun yang di atas itu, dari dunia datang ke akhirat akan syaudaraku dan ada pun yang di bawah memegang penyapu itu, tuhan <i>perhamba</i> akan kami.'...</p> <p>Boma 123:36 .. adalah seperti mendapat Surgaloka di atas Kayangan. Tuanku nyawa kakanda yang seperti Kusuma Indera, sukalah kakanda ini mati, karena adinda tuan dan jangan tiada adinda ini <i>perhamba</i> pada kakanda...</p>
II	<i>diper-</i> dan <i>diper-....-lah</i> dengan makna yang sama dalam teks abad ke-17 dan ke-19.	<p>Rama 296:9 ... Maka sembah Angkata Mahabiru anak saudara sepupu Bali Raja, "Adapun sinda <i>diperhamba</i> jikalau dua puluh hari perjalanan kuasa sinda melompat.....</p> <p>Boma 25:24 "Mana bicara tuanku akan patik yang <i>diperhamba</i> ini sekalian hamba turut, karena patik sekalian ini hamba kepada tuanku</p> <p>Pat 17:3 Bercau raja besar kedengaran pada segala negeri yang lain pun menjadi aiblah dan tuan hamba pun sia-sialah <i>diperhambalah</i> oleh Duli Bercau?"</p> <p>Aceh 76:13 .. karena tuanku raja yang tuha lagi telah lanjut penglihat dan luas bicara pada memicarakan sesuatu bicara pada mengelenggarakan takhta kerajaan, jikalau tuanku raja pun serasa <i>diperhambalah</i> raja."</p> <p>Boma 32:33Adapun aku ini hamba kepada Maharaja Jantaka dan adat kami ini <i>diperhambalah</i>, yang mana kesukaan tuan kami...</p>
III	<i>ber-</i> dan <i>ber-...-kan</i> dengan makna yang berbeza dalam teks abad ke-17 dan ke-19.	<p>Aceh 250:1 Maukah raja Johor <i>berhamba</i> kami sekalian? Jikalau mau raja Johor <i>berhamba</i> kami sekalian...</p> <p>MW 19:20 Maka hendaklah dibubuh ke dalam petinya ketiga <i>berhamba</i> itu serta dengan anak Raja Rum itu....</p> <p>Rama 787:11 Sri Rama syahdan dengan ta`zimnya dan <i>berhambakan</i> dirinya kepada Sri Rama...</p> <p>Boma 29:25 seraya katanya: Tinggallah tuan baik-baik, jikalau ayahanda sudah mati, tahu-tahu tuan <i>berhambakan</i> diri pada Maharaja Boma...</p>
IV	Enklitik <i>-mu</i> dan Enklitik <i>-nya</i> dengan makna yang sama dalam teks abad ke-17 dan ke-19.	<p>Aceh 213:14 "Ya Tuhanku, kaupeliharakan kiranya cucu <i>hambamu</i> Johan `Alam ini seperti yang telah kaupeliharakan ia daripada segala permainannya dengan harimau itu dan membawa....</p> <p>Boma 46:32 .. gajah dan kudanya serta alat senjatanya. Setelah sudah hadirilah sekalian itu, maka patih Mudra Karna pun masuk menghadap Maharaja Boma, seraya sembahnya: "Ya tuanku, sudahlah <i>hambamu</i> menghimpunkan segala rakyat..</p>

		<p>Hitu 5,IV Maka perintah dengan baik patut pakaian yang baik kepada <i>hambanya</i>, ia duduk di atas di hadap orang banyak...</p> <p>Pat 75:15 Maka ada seorang <i>hambanya</i> Nang Kebun itu Sulung namanya. Maka Sulung itu pun Nang Kebun berikan Raja Putera...</p>
V	Enklitik <i>-kah</i> dan Enklitik <i>-lah</i> dengan makna yang berbeza dalam teks abad ke-17 dan ke-19.	<p>MW 80:34 "Tuan <i>hambakah</i> penghulu syaitan iblis itu?" Maka katanya, "Hambalah penghulu segala syaitan iblis.</p> <p>Boma 8:29 "Siapakah orang muda ini, anak tuannya <i>hambakah</i> dia?" Maka kata Batara Berahma...</p> <p>Rama 102:3 Akan sekarang sudah hamba suruh beri tahu akan anaknya datang ini. Sehari ini datanglah gerang ayahanda itu. Setelah Naruna hilang <i>hambalah</i> dirajakan ayahanda Jamumenteri segala raja-raja.</p> <p>Pat 7:4 "Jikalau tuanku masuk agama Islam, <i>hambalah</i> mengubat penyakit Duli Syah Alam itu."</p>
VI	Enklitik <i>-mu</i> dan Enklitik <i>-mulah</i> dengan makna yang sama dalam teks abad ke-17 dan ke-19.	<p>Aceh 213:14 "Ya Tuhanku, kaupelihara kiranya cucu <i>hambamu</i> Johan...</p> <p>Boma 46:32 Setelah sudah hadirilah sekalian itu, maka patih Mudra Karna pun masuk menghadap Maharaja Boma, seraya sembahnya: "Ya tuanku, sudahlah <i>hambamu</i> menghimpunkan segala rakyat..</p> <p>Rama 29:9 "Sebenarnya titalah yang dipertuan itu. Maka Sipanjalma pun berdiri menyembah maharaja Balikasya lalu berdatang sembah, "Ya tuanku sri maharaja, <i>hambamulah</i>....</p> <p>MW 3:39 adapun jodo pertemuan itu di dalam batu atau di dalam kayu sekalipun tiada yang dapat menceraikan dia." Maka sembah burung geroda, "Ya Nabi Allah, akan pekerjaan itu atas <i>hambamulah</i> menceraikan dia.</p>

RUMUSAN

Keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa penggunaan kata '*hamba*' juga dapat diperlihatkan dalam pembentukan afiks dari aspek morfologi dan pemaknaan dari aspek semantik setiap hikayat abad ke-17 dan abad ke-19. Kajian ini juga memperlihatkan perkataan '*hamba*' boleh digabungkan dengan beberapa jenis afiks sama ada afiks awalan dan afiks akhiran di samping pengenalan penggunaan afiks yang tertinggi dan terendah. Gabungan afiks yang terbentuk dalam kedua-dua abad teks juga mengalami perluasan makna kerana menerima gabungan afiks awalan dan akhiran yang dapat dirujuk dari sudut morfologi dan semantik. Penggunaan afiks yang bergabung dengan kata dasar '*hamba*' masih digunakan pada zaman moden ini walaupun penggunaan afiks ini telah lama wujud dalam teks Melayu Klasik. Boleh dikatakan bahawa penggunaan kata ini jarang digunakan untuk merujuk kata ganti nama diri pada abad ini dan hanya sebilangan penggunaan '*hamba*' diperoleh dalam karya novel dan lain-lain. Penggunaan '*hamba*' pada alaf ini juga memperlihatkan transisi pemaknaannya untuk merujuk hubungan manusia dengan Tuhan dalam konteks keagamaan bangsa Melayu. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji baharu yang berminat melakukan kajian terhadap kesusasteraan Melayu Tradisional, seperti aspek, data, teori yang berbeza.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. (1997). Manuskrip surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja Inggeris James I, England, AH 1024 (AD 1615) – Aspek penggunaan kata-kata pujian. Pengajian Bahasa Melayu. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.
- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional Abdul. *Jurnal Pendeta*, (2), 100-117.
- Amir Hatin Asmali Jauhari & Nasrun Alias. (2018). 151 Struktur Pasif Dalam Hikayat Hang Tuah: Kajian Berdasarkan Teori Ubah Alfa. *JURNAL WACANA SARJANA* Vol. 2(4), 1-15.
- Andries Teeuw. (1995). *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anis Shahirah Sabarudin & Kartini Abd. Wahab. (2023). Analisis Kata Ganti Nama Diri Dalam Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1-10.
- Azan Nor Abdullah & Musirin Mosin. (2017). Geo-linguistik Bahasa Melayu dan Mikro-Sistem Pembentukan Kata Kerja Berimbuhan Awalan BeR-, Apitan BeR...-aN dan BeR...-kaN.
- Azhar Wahid & Abdul Ghani Abu. (2015). Membina Kritikan Sastera Melayu Dalam Jalur Pascamodenisme. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. 3, 34-46.
- Cheah Poh Ying. (2020). Analisis Ketepatan Makna dan Prosedur Terjemahan kata Nama Khas Bahasa China-Bahasa Melayu Dalam Hikayat Jelajah Ke Barat. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Collins, J. T. (2003). Mukadimah ilmu etimologi. Dewan Bahasa dan Pustaka. Collins Dictionary. (n.d.). Collins Spanish Dictionary.
- Faridah Nazir. (2022). Perbandingan Aspek Morfologi Dalam Hikayat Melayu Klasik Dan Novel Melayu Moden. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II*, 23, 1-17.
- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam kritikan dan sejarah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hassan Ahmad. (2004). Bahasa Melayu dan Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, (1), 19-51.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay. (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 43-56.
- Hikayat Aceh. 'Hamba'. *Malay Concordance Project*. (dicapai pada 27 Mac 2023).
- Hikayat Merong Mahawangsa. 'Hamba'. *Malay Concordance Project*. (dicapai pada 27 Mac 2023).
- Hikayat Patani. 'Hamba'. *Malay Concordance Project*. (dicapai pada 27 Mac 2023).
- Hikayat Sang Boma. 'Hamba'. *Malay Concordance Project*. (dicapai pada 27 Mac 2023).
- Hikayat Seri Rama. 'Hamba'. *Malay Concordance Project*. (dicapai pada 27 Mac 2023).
- Hikayat Tanah Hitu. 'Hamba'. *Malay Concordance Project*. (dicapai pada 27 Mac 2023).
- Hopper. P. J & Thompson. S. A. "(1980). Transitivity in Grammar and Discourse" dlm. *Language*. 56 (2), 251-99.
- Ismail Hussein, (1998). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jurnal Ilmi*, 7, 19 – 34.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2003). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Liaw Yock Fang. (1982). *Sejarah Kesusasteraan Klassik*, rev. ed., Singapura: Pustaka Nasional.
- M.K Danziger & W.S Jahnson 1983. *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009). Estetika Di Sebalik Tabir Teori Sastera Melayu Islam. *Jurnal Melayu*, 4, 11-28.
- Md Zahril Nizam, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed & Mohd Najib. (2020). Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*, 19(1), 54-74.
- Monique Zaini-Lajoubert. (2010). Sastera Melayu Moden yang Berilhamkan Karya Sastera Melayu Lama. *Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu* 1:2 (2010) 113 – 143.
- Noriah Taslim. (2015). Hikayat Nakhoda Muda: Biografi Melayu Abad ke-18 Hikayat Nakhoda Muda. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(3), 2015: 59 - 68.
- Oo Jiu Bell dan Goh Sang Seong. (2020). Analisis Makna Konteks Nilai Moral Konfusianisme Proudfoot, Ian. 2000. *Malay Concordance Project*, Australian: Australian National University.
- Ren dan Yi dalam terjemahan Hikayat Tiga Negara. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 317–346.
- Rohaya Md Ali. 2017. Sastera Rakyat dalam Media Digital Sumber Ekonomi Kreatif Negara. *International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues*, “Sustainability of Knowledge”, 30 – 31 October 2017, UUMAt: School of Languages, Civilisation and Philosophy (SLCP) College of Arts and Sciences (CAS) Universiti Utara Malaysia.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin & Annapurani Ponnambalam Dass. (2017). *Evolusi Morfofonemik Bahasa Melayu Dari Abad Ke-16 Hingga Abad Ke-20*.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin & Noor Azaliza Yahya. (2013). “Perbandingan Darjah Transitiviti Awalan Ber- dan Per- dalam Bahasa Melayu” dalam. *Jurnal Bahasa*, 13 (1), 64-103.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin. (2005). *The Evolution of Malay Affixes*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.